



PERAK
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 2/2020

KEWAJIPAN KERAJAAN MENANGANI ISU MURTAD

1. Allah SWT berfirman di dalam Surah Al-An'am ayat 82:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يَلْبِسُوا ءِيمَانَهُمْ بِظُلْمٍ اُولٰٓئِكَ لَهُمُ الْاَمْنُ وَهُمْ مُّهْتَدُونَ

Maksudnya : *Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur adukkan iman mereka dengan kezaliman (syirik), mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan merekalah orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

2. Saya dimaklumkan bahawa G25 yang terdiri daripada bekas penjawat awam kanan telah melancarkan kertas kajian mereka bertajuk *Administration of Matters Pertaining to Islam* baru-baru ini. Setelah saya meneliti kertas kajian tersebut, didapati kandungannya adalah sangat tidak munasabah dan dangkal.
3. Di antara fakta sejarah yang disalahfahami oleh kumpulan ini ialah berkenaan undang-undang Islam antara negeri-negeri dilihat tidak seragam. Setiap negeri mempunyai adat resam dan budaya yang berbeza-beza. Kedatangan Islam meraikan adat dan budaya masing-masing selagi tidak bercanggah dengan syarak. Sekiranya didapati bercanggah, maka Islam membetulkan mengikut prinsip syarak dan memberi alternatif yang lebih harmoni dan rahmah. Inilah keistimewaan yang ada pada Islam yang begitu meraikan.
4. Sangat menyedihkan kumpulan ini menganggap bahawa murtad iaitu keluar dari Islam merupakan kesalahan atau dosa peribadi antara individu terbabit dengan tuhan sahaja dan kerajaan hendaklah memberi kebebasan kepada umat Islam untuk murtad. Pandangan ini adalah sesat dan menyesatkan kerana terpengaruh dengan slogan kebebasan yang dicanang oleh golongan liberal di dunia barat. Islam memandang serius jenayah murtad dengan mengenakan hukuman yang cukup berat. Khalifah Abu Bakar As-Siddiq walaupun terkenal dengan kelembutan beliau, tetapi tetap tegas dalam menangani golongan murtad. Ini jelas menunjukkan bahawa jenayah murtad adalah satu perkara yang serius dan kerajaan bertanggungjawab dalam mengawal gejala tersebut.
5. Maka dengan ini, saya ingin menegaskan bahawa pandangan golongan liberalis seperti G25 adalah bercanggah dengan pendapat Juhur Ulama' dan Perlembagaan Persekutuan.

Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

18 Jamadilawal 1441 H (Selasa)
14 Januari 2020 M